

28/02/2003

Kelancaran sidang NAM dikagumi dunia: Dr Mahathir

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR: Banyak ketua negara dan delegasi asing menyifatkan Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang dianjurkan

Malaysia sebagai yang terbaik dan tiada negara lain yang mampu melakukan sebaik itu pada masa akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pemimpin dan delegasi asing juga memuji kesungguhan dan disiplin tinggi kakitangan tempatan yang bertugas sepanjang sidang kemuncak itu dan mesyuarat tidak rasmi Persidangan Pertubuhan Islam (OIC).

"Presiden Pakistan, Pervez Musharraf juga memuji kakitangan kita dan menyifatkan mereka begitu berdisiplin sehingga membolehkan persidangan berjalan lancar.

"Beliau dan pemimpin lain juga kagum dengan sikap rakyat negara ini yang mematuhi arahan. Tidak perlu tutup jalan sepenuhnya, tidak perlu tutup kedai, tidak perlu polis menggunakan belantan untuk pukul sesiapa kerana melanggar arahan. Semua kegiatan berjalan seperti biasa," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada semua petugas NAM dan seluruh rakyat Malaysia yang membantu menjayakan sidang kemuncak itu.

Berucap pada majlis makan malam meraikan petugas NAM, Perdana Menteri berkata, di negara lain, kerajaan terpaksa memberi cuti kepada rakyat dan menutup kedai di bandar serta memastikan tiada lalu lintas apabila mengendalikan mesyuarat penting seperti NAM.

Dr Mahathir berkata, tindakan seperti itu akan menyusahkan rakyat dan menjejaskan pendapatan peniaga, terutama peniaga kecil yang beroperasi sekitar bandar.

"Di Kuala Lumpur, tidak perlu tutup jalan. Kita cuma menahan kenderaan seketika di jalan dan simpang tertentu apabila pembesar lalu, kedai tidak ditutup dan orang yang bekerja di bandar juga tidak diganggu.

"Ini juga membolehkan pelawat asing melihat Kuala Lumpur seperti Kuala Lumpur yang sebenarnya. Jika tutup kedai, tiada langsung orang, ia bukan Kuala Lumpur," katanya sambil menyifatkan keadaan itu menunjukkan betapa prihatin dan berdisiplin rakyat negara ini.

Perdana Menteri berkata, kejayaan NAM juga disebabkan keupayaan negara menguruskan sesuatu secara tertib, menerusi latihan dan raptai membabitkan semua peringkat, termasuk beliau sendiri.

Dr Mahathir berkata, raptai penting bagi mengenal pasti kesalahan kecil yang mungkin berlaku dan memperbaikinya bagi memastikan acara sebenar berjalan lancar.

"Ini menyebabkan kita sempurna. Ini hasil daripada disiplin kita. Apabila buat sesuatu, kita buat secara teratur dan ikut peraturan. Ada sesetengah orang anggap, takkan Perdana Menteri pun kena berlatih. Kalau PM tak berlatih, dia pun tak tahu apa nak buat, kat mana nak berdiri dan

apa yang akan terjadi.

"Oleh itu, di semua peringkat, tak kira jawatan apa, semua kena latihan, raptai dan macam-macam. Begitu juga dengan makanan. Ada ujian rasa bagi memastikan makanan yang dihidangkan seperti yang diharapkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau meminta setiap pengalaman dan pengajaran daripada penganjuran NAM itu dicatat bagi memperbaiki prestasi apabila menganjurkan persidangan OIC pada Oktober nanti dan mesyuarat antarabangsa lain.